

BAB 3

ASPEK-ASPEK KEPERCAYAAN DALAM

PERADABAN JEPUN

3.1 Pengenalan

Peradaban Jepun awal dapat dibahagikan kepada tiga zaman iaitu zaman **Jomon**, **Yayoi** dan **Kofun**. Zaman Jomon merupakan zaman disekitar tahun-tahun 10 000 S.M. hingga 300 S.M.¹ Mereka dikatakan sebuah masyarakat yang hidup dengan cara primitif, menjalankan kegiatan mengumpulkan makanan, memburu binatang dan menangkap ikan, peralatan yang digunakan adalah peralatan yang primitif seperti kapak batu, alat-alat tajam dan lain-lain.² Nama Jomon yang sebenarnya diambil berdasarkan nama sejenis tanah liat yang digunakan oleh masyarakat Jepun untuk menghasilkan tembikar yang dipanggil tembikar-tembikar Jomon. Mengikut kajian yang telah dilakukan, tembikar tersebut digunakan untuk menyimpan makanan hingga kepada upacara dalam kepercayaan. Dari segi kepercayaan, didapati masyarakat Jomon mempercayai kepada kuasa-kuasa ghaib atau anamisma. Menurut buku *Sejarah Kebudayaan Jepun*, rekaan yang terdapat pada tembikar Jomon tidak teratur atau tersusun dan kadang-kadang terlalu menggambarkan orang-orang yang membuat tembikar berada dalam keadaan yang berdebar-debar seolah-olah mereka sedang bergelut dengan kuasa alam.³

Selepas zaman Jomon (300 S.M. hingga 300 Masehi) timbul pula zaman **Yayoi** yang mempunyai peradaban yang lebih maju dan dikatakan telah muncul di **Pulau Kyushu**. Dikatakan bahawa kemasukan orang-orang Korea ke Jepun pada zaman ini telah membawa perubahan kepada bidang-bidang ekonomi dan sosial masyarakat Jomon lalu membentuk satu masyarakat yang baru dipanggil Yayoi.⁴ Masyarakat ini dikatakan telah mengalami satu lagi tingkat dalam ketamadunan dengan penggunaan alat-alat logam seperti tembaga dan besi. Kehidupan mereka lebih stabil dan sistem nomad sudah tidak diamalkan dan mereka mula mengamalkan sistem pertanian yang

kekal dan menternak binatang. Corak tembikar di zaman Yayoi dikatakan lebih menarik dan jauh lebih bermutu daripada tembikar di zaman Jomon. Corak rekaannya lebih halus dan lebih teliti serta dibakar lebih lama.⁵ Dari aspek kepercayaan pula didapati masyarakat Yayoi mula menyembah unsur-unsur semulajadi yang aneh serta ganjil. Pada masa itu, mayat-mayat mula ditanam dalam tembikar yang besar ataupun dalam keranda batu (Stone Coffin) yang dikatan sama dengan yang dijumpai di Korea dan mayat-mayat ini diiringi oleh barang kubur seperti pedang, cermin dan lain-lain. Oleh sebab itu, ada yang mengatakan bahawa pada zaman ini masyarakat Jepun telah mempunyai pembahagian kelas.⁶

Selepas zaman Yayoi muncul pula zaman Kofun dari abad ke-3 Masehi hingga abad ke-6 Masehi. Zaman ini dikenali zaman Kofun bersempena dengan maksud zaman makam kerana terdapat timbunan tanah kubur dan dijumpai makam-makam yang besar dan luas terutama di daerah Kinki⁷ yang dipercayai dibina sekitar abad ke-3 hingga ke-6 Masehi. Makam-makam yang terdapat pada zaman ini mempunyai senibina yang tinggi dan boleh disamakan dengan senibina piramid di Mesir. Makam-makam pada zaman ini terdiri daripada pelbagai bentuk seperti bentuk "*Zempo Koen Fun*" (empat segi bujur di hadapan dan bulat di belakang) yang berbentuk lubang kunci,⁸ bentuk "*Zempo Koho Fun*" (empat segi di hadapan dan belakang), bentuk *empun* (bulat) dan bentuk *Hofun* (empat segi). Tiap-tuap kofun atau makam ini dikelilingi oleh parit-parit yang dibuat oleh manusia dan mempunyai barang kubur (grave goods) yang mengiringi simati. Antara barang kubur yang banyak ditemui ialah haniwa, cermin, pedang, baju besi, peralatan perhiasan (gelang, subang, mahkota dan kasut) dan ada juga benda-benda hidup yang ditanam seperti kuda-kuda (ditanam bersama tuannya).⁹ Haniwa atau patung kecil Terra Cotta merupakan barang kubur yang sering ditemui terdapat disekeliling permukaan kubur dan mempunyai pelbagai bentuk dari bentuk manusia hingga

kepada bentuk binatang dan alat-alat kegunaan harian.¹⁰ Daripada huraian ini, kita dapat i bahawa masyarakat pada zaman itu sudah mempunyai sistem kepercayaan yang tetap.

Secara jelasnya masyarakat pada zaman Jomon dan Yayoi berpegang dan percaya kepada kepercayaan menyembah alam semesta dan semangat. Kepercayaan seumpama ini dapat dikesan melalui artifak yang ditemui di perkuburan dan juga tulang-tulang yang membuktikan bahawa mereka amat takut kepada sihir dan hantu. Misalnya, mayat-mayat yang ditanam dijumpai dengan tangan dan kakinya terlipat ke belakang dan dadanya dihempap dengan batu besar, berkemungkinan untuk mencegah mayat daripada bangun. Dari sinilah kita melihat masyarakat Jepun yang hidupnya cara berkumpulan (uji) atau mengikut “*klan*” telah bersaing sesama sendiri dan akhirnya muncul suku yang terkuat dipanggil Yamato.¹¹

Puak Yamato telah menguasai kebanyakan kawasan yang sesuai didiami pada masa itu dan memaksa puak Uji lain untuk menyembah dewa mereka yang dipanggil *Amaterasu Omikami* iaitu Dewi Matahari yang dikatakan merupakan asal usul maharaja Jepun. Dari sini muncullah agama Jepun awal yang dipanggil Shinto.¹² Agama Shinto tersebut telah menjadi sumber penting pembentukkan peradaban Jepun dan salah satu kesan penting ialah kesetiaan masyarakat Jepun kepada maharaja mereka.

Hubungan kerajaan Jepun-China yang erat pada zaman dahulu telah membawa kemasukan elemen-elemen kepercayaan yang penting iaitu kepercayaan kepada agama Buddha dan Konfucian yang merupakan unsur atau elemen yang berasal daripada negara China. Agama Buddha telah dibawa masuk ke Jepun pada tahun 600 Masehi.¹³ Kemasukan agama Buddha ke Jepun telah banyak mempengaruhi kepercayaan

masyarakat Jepun kepada agama Shinto. Namun begitu, kepercayaan terhadap agama Buddha tidak pernah mengambil tempat terhadap agama Shinto.¹⁴ Pencampuran agama Buddha dengan Shinto membentuk kepercayaan Jepun yang seterusnya melahirkan identiti masyarakat Jepun sekarang ini. Keadaan seperti inilah yang telah membawa kepada orang-orang Jepun sekarang menganuti dan mengamalkan kepercayaan agama tersebut secara serentak dalam kepercayaan mereka. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh sikap masyarakat Jepun sendiri yang mudah menerima kemasukan elemen-elemen dari luar asalkan tidak bercanggah dengan masyarakat mereka asalkan penerimaan tersebut boleh membangunkan peradaban mereka. Tambahan pula agama Buddha dan Shinto mempunyai persamaan dari segi prinsip-prinsip dan ada dakwaan bahawa dewa-dewa Shinto adalah Bohisattras yang menggambarkan bahawa ke dua-duanya mempunyai persamaan. Ini bermakna Dewa Buddha adalah juga Tuhan dalam agama Shinto menurut fahaman kepada Tuhan Kami.

Agama Konfucian pula telah dibawa masuk ke Jepun sebagai satu falsafah yang terdapat di dalamnya satu sistem kepercayaan. Orang yang bertanggungjawab membawa Buddha dan Konfucian ialah Putera Shitoku Taishi yang memerintah di zaman Nara. Ia dibawa masuk bertujuan membawa pentadbiran yang cekap dan ini dapat dikenal pasti melalui kata-kata beliau:-

"pentadbiran hal ehwal negara tidak dapat dicapai jika tidak didasarkan atas pengetahuan dan sumber-sumber dari ilmu dan ajaran Konfucian, Buddha dan Shinto"

Melalui penjelasan ini memberikan gambaran kepada kita bahawa Buddha, Konfucian dan Shinto adalah merupakan gabungan tiga kepercayaan yang membentuk peradaban dan tamadun Jepun dengan agama dan kepercayaan yang baru. Malah agama Buddha

dan Konfucian mempunyai perkaitan yang rapat dengan agama pribumi Jepun iaitu Shinto dan ini dapat dibuktikan melalui kata-kata beliau:-

"Shinto was the roots of the tree, Konfucians the stem and branches and Buddhism the fruits and flowers"¹⁵

Ini menerangkan kepada kita bahawa persekitaran yang rapat antara kepercayaan Shinto, Buddha, dan Konfucian telah membentuk peradaban Jepun yang unggul yang mana antara ke tiga-tiga kepercayaan tersebut saling melengkapi. Namun begitu, kita dapat gambaran yang jelas bahawa masyarakat Jepun tidak mempunyai pegangan kepercayaan yang khusus dan mereka mengamalkan sikap fleksibel dalam menerima pengaruh dan kepercayaan dari luar. Mereka mengambil pendirian bahawa apa-apa juga agama dan kepercayaan yang dapat mendatangkan kebaikan kepada mereka bebas dipraktikkan tanpa terikat kepada satu-satu kepercayaan.¹⁶ Keadaan ini berlaku juga disebabkan fahaman Tuhan *Kami* dalam agama Shinto membolehkan mereka menganggap bahawa Tuhan semua agama adalah Tuhan *Kami* orang-orang Jepun dalam kepercayaan agama Shinto.

Apa yang menarik untuk diperhatikan dalam perbincangan ini ialah kemampuan masyarakat Jepun dalam mengasimilasi kebudayaan luar dengan menerima dan menyerap peradaban luar dan kemudian dicantumkan dengan tamadun asal mereka dan keadaan seperti inilah yang terjadi ke atas kepercayaan-kepercayaan luar khasnya daripada negara China iaitu kemasukan agama Buddha dan Konfucian.¹⁷ Ajaran-ajaran ini telah membentuk inti kepada kepercayaan dalam masyarakat Jepun dan melahirkan sebuah peradaban Jepun yang unik.

3.2 Pandangan Semesta Masyarakat Jepun Mengenai Kepercayaan

Dalam mengkaji mengenai kepercayaan dalam peradaban Jepun maka kita tidak boleh lari daripada memperkatakan akan pandangan semesta ataupun “*world view*” orang Jepun kepada kepercayaan. Ini kerana pandangan semesta amat mempengaruhi tindak-tanduk manusia melalui pengaruhnya terhadap pemikiran manusia. Ini jelas dimana pemikiran sesebuah masyarakat adalah amat dipengaruhi oleh pandangan semesta. Ia berada dalam pelbagai bentuk bergantung kepada sesebuah masyarakat tersebut.

Secara kasar dapatlah dikatakan masyarakat Jepun mempunyai *world view* kepercayaan yang hampir sama dengan orang-orang China kerana masyarakat Jepun banyak mengambil elemen-elemen kepercayaan daripada peradaban China. Oleh itu, tidak hairanlah adanya persamaan dari segi hubungan dimana dikatakan masyarakat Jepun mempunyai hubungan dengan alam dan memuja roh nenek moyang yang mempunyai persamaan dengan upacara pemujaan dalam masyarakat Cina. Penerimaan dan kemasukan elemen-elemen luar iaitu dengan mengambil agama Buddha, falsafah Konfucian dan Taoisme serta kepercayaan-kepercayaan lain telah membawa kepada pandangan semesta orang Jepun terhadap kepercayaan mereka. Sebenarnya, tidak ada perbezaan antara agama dan kepercayaan tersebut walaupun berbeza dari segi jumlah pengikutnya dari tiap-tiap agama dan mereka mencampuradukkan agama matahari dengan nenek moyang kecuali orang-orang Jepun yang bertuhankan maharaja mereka.¹⁸ Keadaan ini adalah disebabkan oleh pandangan semesta Jepun kepada agama Shinto yang mendaulatkan maharaja.

Pandangan semesta Jepun adalah dikaitkan dengan alam semulajadi serta kekuasaan Tuhan. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor persekitaran masyarakatnya yang tidak boleh dipisahkan dengan alam dimana negara Jepun adalah dikenali sebagai sebuah negara yang indah dan menarik menyebabkan mereka telah mengambil alam sekitar sebagai teras kepada kepercayaan mereka. Alam memainkan peranan yang besar dalam memberikan dan menentukan kemajuan peradaban Jepun. Oleh itu, mereka juga telah membuat tanggapan bahawa kedudukan dan nasib yang malang disebabkan oleh alam yang bersifat sementara dan akan lenyap.¹⁹

Alam memainkan peranan yang penting di dalam memperkatakan mengenai pandangan semesta orang Jepun terhadap kepercayaan. Terdapat dua konsep utama yang berkaitan dalam memperkatakan tentang kepercayaan, iaitu mengenai terdapatnya entiti kuasa luar biasa yang memelihara, menjaga dan mengasihi dan konsep ke dua ialah berkaitan dengan unsur dalaman diri. Melalui konsep pertama menerangkan kepada kita terdapatnya kuasa luar yang mengambil tahu akan keadaan mereka dan dari itu wujud konsep penyembahan nenek moyang, dewa, syurga dan neraka. Konsep ke dua pula sukar untuk dijelaskan dan ia boleh dianggap sebagai realiti bagi asas dalaman dan mempunyai hubungan dengan alam semesta. Ia seringkali dikaitkan dengan pemikiran, penakulan hati dan kemurnian jiwa dan ia terdapat di dalam kepercayaan Buddhisme, Konfucian dan Taoisme.

Dengan kemasukan Buddhisme, Konfucian dan Taoisme daripada peradaban China telah melahirkan konsep yang dipanggil “*tao only China*” yang mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam membentuk peradaban Jepun. Melalui fahaman Konfucian terdapatnya konsep ini yang dipanggil “*li*”, ia diterjemahkan sebagai takulan dan konsep “*hsin*” pula bermaksud hati dan pemikiran. Konsep “*li*” ini juga terdapat di

dalam Buddhisme iaitu di dalam konsep *nature-Buddha*. Keadaan ini dapat memberi gambaran manusia dianggap sebagai *mikrokosmos* sementara tuhan dan alam semulajadi dianggap sebagai *makrokosmos*.

Mengikut kepercayaan tradisi masyarakat Jepun, Shinto tidak boleh lari daripada membincangkan konsep “*Kami*”. *Kami* di dalam Shinto bukan sahaja bererti tuhan, ia juga membawa maksud “*jiwa*” atau “*roh*”. Umumnya, kesemua daripada konsep ini menuju kepada pandangan yang sama iaitu manusia dianggap sebagai “*dunia dan syurga kecil*”, di dalam diri manusia terdapat *nature Buddha, Tao, li, Hsin, dan Kami*.²⁰

Bagi memberikan penjelasan yang lebih analisis mengenai kepercayaan masyarakat Jepun, maka dalam perbincangan seterusnya akan dikupas satu persatu mengenai kepercayaan yang terdapat dalam peradaban Jepun yang membentuk jati diri masyarakat Jepun iaitu meliputi kepercayaan asal dalam peradaban Jepun iaitu Shinto, kepercayaan dari China iaitu Konfucian dan Taoisma serta Buddha dari India. Tidak kurang juga Kristian yang mendapat tempat dalam masyarakat Jepun dan seterusnya membentuk peradaban Jepun yang ada sekarang.

3.3 Aspek-aspek Kepercayaan Serta Perkembangnya Dalam Peradaban Jepun

Sejak bermulanya peradaban manusia kepercayaan telah mula wujud sebagai satu sistem yang penting dalam sesebuah peradaban. Kepercayaan bergerak seiring dan secara bersama dengan pemikiran manusia. Mengikut pemikiran dan kepercayaan dalam diri manusia bahawa terdapat kuasa lain yang menentukan pergerakan alam ini melahirkan kepercayaan yang seterusnya disimbolikkan dengan upacara dan tindakan-

tindakan tertentu yang melambangkan keyakinan dan kepercayaan mereka kepada yang maha pencipta.

Ada pendapat yang mengatakan adalah lebih mudah menguasai ilmu-ilmu teknik dan kemahiran daripada memahami kebenaran mengenai sesuatu khasnya kepercayaan. Pendapat yang sebegini telah dikeluarkan oleh Abbas Al-Akkad melalui pandangan beliau:-

“Usaha-usaha manusia mendekati agama lebih sulit dan lebih panjang daripada usaha-usaha ke arah ilmu dan teknik untuk memperolehi kebenaran (hakikat) terbesar bagi alam semesta ini ia memerlukan masa yang lebih panjang daripada kebenaran yang terdapat pada perkara-perkara (bahagian-bahagian alam) yang terpisah yang dihadapi oleh ilmu pada sesuatu saat dan oleh teknik pada saat yang lain”²¹

Pada zaman Jomon iaitu pada zaman awal peradaban Jepun didapati masyarakat pada zaman itu sudah mempunyai kemahiran dan teknik dalam membuat tembikar iaitu dari segi kehalusan seni dan corak yang melambangkan identiti peradaban pada zaman tersebut dan sesuai dengan zamannya. Begitu juga dari segi peraturan-peraturan sosial dan tingkah laku dapat berkembang dengan lebih cepat berbanding dengan kepercayaan yang mengambil masa yang agak lama dalam pemupukan dan pembinaan masyarakat Jepun.

Memandangkan perbincangan dalam bentuk analisis, maka pendekatan yang lebih kritikal mengenai asal usul dan kepercayaan akan dibincangkan secara lebih khusus dan mendalam dalam perbincangan yang berikut.

3.3.1 Aspek-aspek Kepercayaan Dalam Shinto Serta Perkembangannya

Agama Shinto merupakan agama asal masyarakat Jepun yang mengandungi ajaran yang paling mudah dan berkisar kepada pemujaan roh. Bangsa Jepun purba percaya bahawa segala apa yang ada di alam ini sama ada benda yang mati ataupun yang hidup semuanya bernyawa. Roh-roh ini disebut “*kami*” yang dianggap sebagai kekuatan ghaib yang berada di balik alam nyata.²²

*

Kami-kami yang dianggap menguasai alam ini, lama kelamaan menjelma sebagai dewa-dewa alam dengan jumlah yang banyak dan antara yang paling terkenal ialah “*Ameterasu Omi Kami*”, yang dianggap sebagai dewa tertinggi. Selain memuja nenek moyang mereka juga memuja *Kami* yang menurunkan keluarga. Oleh itu, Shinto juga memuja *Kami* nenek moyang mengikut suku masing-masing. Maharaja dianggap sebagai *Kami* seluruh bangsa Jepun.²³

Kami memainkan peranan yang penting dalam kepercayaan Shinto dan ia dapat dikenali melalui ciri-ciri tersebut:²⁴

- i- **Ia tidak mempunyai bentuk.** Bagi membolehkan ia menjelma, ia perlu diseru dan dijelmakan kepada bentuk yang sesuai. Bentuk ini dikenali sebagai *Yorishiro*. Biasanya ia berbentuk kurus dan panjang seperti batang pokok, batu berbentuk panjang dan seumpamanya. Sesetengah orang dianugerahkan sebagai pengantara antara *Kami* dan manusia. Ia biasanya terdiri daripada kaum wanita yang dipanggil *Miko*.
- ii- **Kami tidak mempunyai moral.** Ia mempunyai kuasa dan bertindak balas sama ada tindakan itu disukai oleh manusia atau tidak. Tindakannya hanya berdasarkan kepada layanan manusia terhadapnya.

Jika manusia melayaninya dengan baik iaitu dengan upacara-upacara yang teratur, pemberian-pemberian dan pemujaan yang penuh khusyuk, *Kami* akan membalaas dengan memberi restu di dalam bentuk hasil tuaian yang baik serta perlindungan dari sebarang bencana. Jika sebaliknya layanan yang diberi, manusia akan terdedah kepada mala petaka akibat terkena sumpahan daripada *kami*.

- iii- ***Kami* menghuni di dunianya yang tersendiri** dan hanya melawat manusia pada musim-musim tertentu. Upacara Shinto yang paling asas adalah *Matsuri*.
- iv- **Kebanyakan daripada *Kami* tidak menyukai darah, kekotoran dan kematian.** Manusia yang mengalami luka atau kecederaan yang berdarah, perempuan yang melahirkan bayi serta perempuan dalam keadaan haid serta mereka yang sedang menghadapi kematian mestilah dijauhkan daripada *Kami*.
- v- ***Kami* digunakan untuk merestui kepentingan material.** Sesetengah *Kami* disembah untuk memohon pemberian yang tertentu seperti memulihkan penyakit, mengatur perkahwinan dan sebagainya.

Pemujaan kepada dewa-dewa alam itu menyebabkan orang Jepun mencintai keindahan alam dan pemujaan kepada raja menyebabkan mereka berbakti kepada negara. Dengan demikian agama Shinto menyebabkan bangsa Jepun amat cinta kepada negara dan tanah airnya. Penganut Shinto percaya bahawa *kami-kami* yang mereka puja itu akan dapat membantu mereka dalam mencapai kesejahteraan hidup di dunia. Oleh kerana itu, tentang kehidupan di alam baka, tentang syurga dan neraka dan soal-soal hidup selepas mati tidak ditekankan. Oleh itu, agama Shinto dapat menerima kemasukan agama lain.²⁵ Cuma yang ada dalam kepercayaan Shinto terdapat 3 dunia

iaitu “*Takama-no-hara*” (Syurga), “*Yomi-no-Kuni*” (neraka) dan “*Tokoyu-no-Kuni*” (dunia).²⁶

Mengikut kepercayaan orang-orang Jepun bahawa *Kami* mempunyai kuasa luar biasa dan dapat melindungi mereka daripada bencana. Oleh itu, *Kami* dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan manusia dan ia masih hidup lagi di dalam masyarakat Jepun sebagai satu kepercayaan. Misalnya terdapat kuil Shinto (Shinto Shrine) yang dikhaskan untuk beribadat kepada tuhan Shinto atau *Kami*.

Jika dilihat dari segi perkembangannya pula agama Shinto dapat dibahagikan kepada beberapa tahap masa seperti berikut:²⁷

Tahap 1- Masa perkembangannya dengan pengaruh yang mutlak sepenuhnya di Jepun iaitu dari tahun 660 SM sampai tahun 552 M, di dalam masa dua belas abad lamanya.

Tahap 2- Masa agama Buddha dan ajaran Konfusianisme dan Taoisme masuk ke Jepun iaitu dari tahun 552 M hingga tahun 800 M dimana agama Shinto mendapat persaingan yang hebat.

Tahap 3- Masa sinkronisasi secara beransur-ansur antara agama Shinto dengan tiga ajaran lain iaitu dari tahun 800 M hingga 1700 M.

Kemerosotan pengaruh agama Shinto pada masa ini dapat disaksikan pada kenyataan bahawa upacara keagamaan yang dianggap sangat penting dalam agama Shinto iaitu upacara *Oho-nihe* (penabalan Maharaja) antara tahun 1465 M sampai tahun 1687 M sudah tidak diamalkan dalam upacara keagamaan.

3.3.2 Aspek-aspek Kepercayaan Dalam Buddha Serta Perkembangannya

Pengasas Buddha ialah Siddarta Gautama (563-438 SM). Agama Buddha berkembang pada abad ke 6 SM. Panggilan Buddha berasal daripada perkataan *Bodhi* (hikmat) yang di dalam deklensi (tadhrif) selanjutnya menjadi buddhi (nurani), dan menjadi Buddha (yang beroleh Nur).²⁸

Agama Buddha berasal daripada India dan dibawa masuk ke Jepun melalui China pada abad ke-6 Masehi. Ajarannya boleh disimpulkan melalui ucapan syahadahnya yang berbunyi “*Aku berlindung kepada Buddha, aku berlindung kepada Dhamma, aku berlindung kepada Sangha*”.

Buddha merupakan pencetus kepada agama Buddha. Dhamma pula adalah agama yang diajarkannya dan Sangha adalah masyarakat Bhiksu dan Bhiksuni yang menjadi inti pengikut Buddha.²⁹

Ajaran Buddha wujud melalui ilham yang diterima oleh pencipta agama tersebut melalui pengalaman yang dialami oleh beliau mengenai penderitaan kerana nafsu, penyakit dan kematian yang merupakan sebab dan akibat daripada sesuatu. Jadi Asas ajaran Buddha ialah untuk melawan nafsu yang membawa kepada penderitaan tersebut. Penderitaan akan dapat dihilangkan jika mempunyai hati yang ikhlas dan hawa nafsu dapat dihilangkan.

Terdapat tiga jenis kitab yang digunakan dalam ajaran Buddha iaitu *Sutta-Pitaka*, *Vinaya-Pitaka* dan *Abidhamma-Pitaka*. Sutta-Pitaka mengandungi ajaran oleh Buddha Gautama tentang meditasi dan peribadatan, himpunan kata-kata hikmat, sajak-sajak

agama, kitab-kitab kiasan dan orang-orang suci. Vinata-Pitaka pula memaparkan peraturan tata hidup bagi setiap anggota biasa. Abidhamma-Pitaka pula ditujukan kepada lapisan terpelajar Buddha. Ia mengandungi nilai-nilai (great values) bagi latihan ingatan (mind-training) dan mendalami proses pemikiran dan proses kesedaran.

Kemasukan ajaran Buddha ke Jepun adalah dalam sekitar 538 hingga 552M. Raja Pakche iaitu salah sebuah daripada tiga kerajaan di Korea telah mempersembahkan beberapa buah buku mengenai doktrin agama Buddha dan sebuah patung Buddha kepada kerajaan Jepun. Maharaja Jepun tertarik dan ingin menganut agama Buddha tetapi mendapat tentangan daripada pegawai-pegawaiannya. Maharaja Jepun mengambil tindakan dengan memberikan patung itu kepada Perdana Menteri Soga dan telah mendirikan sebuah kuil untuk patung tersebut. Malangnya, kuil tersebut telah dibakar oleh beberapa orang pegawai yang mempersalahkan tuhan baru, ini kerana kononnya ia membawa satu penyakit yang dahsyat dan merebak ke seluruh Jepun.³⁰

Walau bagaimanapun, di zaman pemerintahan Putera Shitoku Taishi pada tahun 593 M agama Buddha telah mendapat tempat dan berkembang dengan baik di Jepun. Baginda menjadikan ajaran Buddha sebagai asas kesatuan jiwa dan pemberi semangat moral bagi membina semangat kebangsaan Jepun.³¹ Agama Buddha telah menjadi satu kepercayaan yang penting dimasa Putera Shitoku Taishi dan menjadi asas yang penting di dalam pembinaan peradaban Jepun pada masa itu hingga sekarang.

Kemasukan ajaran Buddha ke Jepun membawa kepada pertemuan dengan agama asal masyarakat Jepun iaitu kepercayaan kepada anamisma yang digelar Shinto. Namun begitu, pertembungan ini tidak membawa kepada kucar kacir tetapi ia membawa kepada penyesuaian agama Buddha dengan Shinto. *Kami* dianggap sebagai

penjaga masyarakat sementara ibadat dan pemujaan dilakukan di dalam kuil Buddha.

Sistem doktrin yang ada dalam kami telah dimasukkan ke dalam manifestasi Buddha dan Bodhisattra. Penyesuaian yang dilakukan membolehkan ajaran Buddha dan Shinto dipraktikkan secara serentak.

Perkembangan agama Buddha di Jepun membawa kepada timbulnya beberapa mazhab Mazhab-mazhab Buddha yang penting di Jepun ialah Mazhab *Tendai*, *Shigon*, *jodo*, *zen* dan Mazhab *Lottus Hokke*. Mazhab Tendai bermula pada 805 M dan Mazhab Shigon pula bermula pada 806 M yang mana ia telah disesuaikan dengan budaya dan masyarakat Jepun. Mazhab Jodo pula diasaskan pada 1175 M dan pengikutnya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Mazhab Zen daripada negara China diperkenalkan pada 1191 M. Mazhab Zen banyak mengajar cara bermeditasi dan disiplin diri untuk mencapai “*self-enlightenment*” dan amat popular dikalangan tentera. Pada 1253 M Mazhab Lottus Hokke pula diperkenalkan . Ia mempunyai pengikut yang ramai dan kebanyakkan agama-agama baru yang muncul kemudiannya berdasarkan mazhab ini.³²

Perkembangan agama Buddha telah terjejas pada zaman pemerintahan Meiji disebabkan pemerintah memberikan penumpuan kepada ajaran Shinto. Kerajaan Jepun telah mengistiharkan Shinto sebagai agama rasmi negara dan ini telah menyekat perkembangan agama Buddha. Tindakan pemerintah menamatkan hak keistimewaan yang diberikan kepada paderi Buddha dan merampas sebahagian daripada harta benda kepunyaai institusi Buddha seperti patung-patung dan kitab-kitab suci daripada tempat-tempat suci Shinto telah membangkitkan perasaan tidak puas hati pemimpin-pemimpin agama Buddha. Akhirnya, para pemimpin daripada Ekito, Nisshu, Tetsujo dan lain-lain telah bersatu dan meminta kerajaan mengubah dasar tersebut. Akhirnya, kerajaan Jepun

terpaksa mengalah dan memberikan lebih autonomi kepada institusi Buddha dalam mengembangkan kepercayaan mereka.³³

Secara jelasnya, Buddha memainkan peranan yang penting setelah diistiharkan sebagai agama ke dua Jepun oleh pemerintah Meiji pada 1868. Agama Buddha mempunai kedudukan yang terkuat antara kepercayaan di Jepun dan membawa pengaruh yang besar di dalam sistem kepercayaan dan pembinaan peradaban Jepun. Mengikut analisis yang dibuat oleh Laporan Tahunan Keagamaan Jepun didapati bilangan penganut Buddha sehingga 1978 ialah seramai kira-kira 81, 762, 636 orang.³⁴

3.3.3 Aspek-aspek Kepercayaan Dalam Konfucian Serta Perkembangannya

Ada pendapat mengatakan ajaran Konfucian bukan merupakan sebuah agama tetapi ia lebih kepada aspek falsafah, etika dan pembelajaran politik.³⁵ Perkembangan Konfusian di Jepun adalah tidak sebagai agama yang berasingan tetapi sebagai suatu falsafah politik sosial yang diterima apabila peradaban dari China ditiru.³⁶ Ini jelas, dimana tidak terdapat pemujaan dalam ajaran Konfucian, yang ada hanyalah kehidupan yang benar dan pemikiran yang benar.³⁷

Apabila Konfusian dibawa ke Jepun ia memberikan lebih penekanan kepada kerukunan rumah tangga, ketaatan anak kepada orang tua, kesetiaan kepada undang-undang dan juga kepada pemerintah. Pembahagian susun tingkat telah dibuat untuk melahirkan masyarakat berharmoni.³⁸ Ini kerana orang-orang atasan lebih bersifat dermawan manakala masyarakat atau orang bawahan pula bersifat taat kepada pemerintah.³⁹ Oleh itu, falsafah ini ditanam di kalangan petani dan samurai-samurai

untuk memupuk kesetiaan kepada ketua mereka seperti Shogun, daimyo-daimyo dan sebagainya.

Ajaran Konfucian yang lain adalah mementingkan hubungan yang baik, terdapat 5 hubungan yang telah ditetapkan iaitu hubungan antara pemerintah dengan rakyat, hubungan bapa dengan anak, hubungan suami dengan isteri, hubungan abang dengan adik dan hubungan kawan dengan kawan.

Di samping ajaran ini, Konfucian juga percaya kepada ajaran lain yang dipanggil “*Jen*” (peranan perikemanusiaan dan harga diri). *Jen* mengatakan “*manusia mempunyai sifat yang dipunyai oleh langit iaitu “sen” yang bermaksud kesucian dan kemurnian*”. Jadi setiap manusia harus menjaga sifat kesucian dan kemurnian ini. Menurut ciri-ciri falsafah konfucian terdapat 5 prinsip di dalam kehidupan iaitu *Jen* (kemahuan hati dan berilmu tinggi), *i* (keadilan), *li* (budi pekerti), *Chih* (ilmu pengetahuan, kebijaksanaan dan pengalaman) dan *Hsin* (jujur dan boleh dipercayai). Bagi mencapai ke tahap ini ia hanya akan dapat dicapai melalui belajar.

Seorang yang berjaya menganuti ajaran ini tidak akan mementingkan kebendaan dan sebaliknya akan rajin berusaha dalam tugasnya, cermat percakapan, banyak membaca dan bergaul dengan orang berdasarkan kesedaran dirinya. Konfucian juga merupakan penggalak kebebasan individu, segala perlakuan mestilah sederhana. Secara jelasnya, kepercayaan kepada Konfucian membawa banyak kebaikan kepada orang-orang Jepun sendiri dengan memberikan kaedah-kaedah yang sepatutnya dilakukan oleh manusia untuk mencapai kejayaan dalam apa juar bidang.

Ajaran Konfusian telah dibawa ke Jepun oleh dua orang pedagang daripada Korea dari daerah Pakche iaitu bernama *Achiki* dan *Wani*.⁴⁰ Sumber lain pula mengatakan ajaran Konfucian dibawa oleh saudagar-saudagar China yang datang ke Jepun menikti kapal dari Korea pada tahun 400 M.⁴¹ Walau dari mana datangnya ajaran Konfucian ke Jepun, asal usulnya tetap daripada China yang mana pengasasnya adalah bernama *Kung-Fu-Tze* (551-479 SM) yang berasal dari wilayah Shantung.

Ada pihak yang berpendirian bahawa ajaran Konfucian bukan suatu agama tetapi cuma suatu ajaran nilai-nilai (etika) kerana pengasas Konfucian, Kung Fu Tze sendiri menghindarkan diri untuk berbicara tentang alam ghaib.⁴² Menurut Eiichiro Ishida ajaran Konfucianisme mula tertubuh di Jepun pada zaman Asuka (593-710M). Ajarannya telah berkembang di Jepun bukan sebagai satu agama yang berasingan tetapi sebagai satu falsafah politik dan sosial yang telah diterima apabila model pemerintahan dari peradaban China diikuti.⁴³

Ajaran atau falsafah Konfucian ini telah diubah dan ditambah supaya ia sesuai dengan situasi masyarakat dan nilai-nilai yang ada dalam masyarakat setempat di Jepun. Perkembangan Konfucianisme di Jepun juga berkait rapat dengan Putera Shitoku Taishi yang bertanggung jawab membawa masuk ajaran Buddha ke Jepun. Salah satu artifak yang penting dibawa oleh Putera Shitoku Taishi kepada rakyat Jepun ialah Perlembagaan 17 yang mengandungi ajaran Buddha dan konsep-konsep politik dan etika Konfucianisme.⁴⁴

Ajaran Konfucianisme diabaikan oleh pemerintah pada zaman Meiji (1868). Namun begitu, etika-etika Konfucianisme masih digunakan sebagai satu elemen yang penting di dalam sistem maharaja dikenali sebagai *Tennosei*. Misalnya, pada tahun 1890

percubaan telah dibuat untuk menggabungkan perintah-perintah maharaja Meiji dengan nilai-nilai moral Konfucian berkaitan dengan kesetiaan dan kelakuan yang sempurna terhadap ibu bapa dan ia dimasukkan ke dalam Titah Pendidikan Maharaja 1890.

Ajaran Konfucianisme mencapai kegemilangan menjelang era 1900an di mana pengaruhnya semakin berkembang dan upacara-upacaranya mula diamalkan semula pada 1907. Pengaruh Konfucianisme turut digunakan dalam usaha perluasan kuasa Jepun di Tanah Besar pada tahun-tahun 1930an dan 1940an. Namun, akibat kekalahan Jepun pada 1945 dalam Perang Dunia ke-2 sedikit sebanyak telah menjaskankan ajaran Konfucian.

Oleh itu, perkembangan ajaran Konfucian di Jepun berkembang sebagai suatu kepercayaan berkaitan dengan etika dan falsafah yang mementingkan hubungan baik dalam masyarakat. Manusia saling menghormati antara satu sama lain dan keamanan dapat diwujudkan.

3.3.4 Aspek-aspek Kepercayaan Dalam Taoisme Serta Perkembangannya

Ajaran Taoisma dibawa oleh *Lao Tze* (604-517 SM) yang hidup pada abad ke 6 SM.⁴⁵ Lao Tze adalah seorang tokoh yang jika ditinjau dari sudut sejarah adalah kabur dan samar. Tidak banyak diketahui tentang riwayat hidupnya. Demikian juga mengenai ajarannya adalah samar-samar dan kerana itu pula pelbagai tafsiran telah dibuat berkenaan dengan ajarannya.⁴⁶

Ajaran-ajaran yang dibawa oleh *Lao Tze* mengeluarkan ajaran yang samar-samar, meragukan dan berbelit-belit sehingga sukar difahami. Ajaran-ajaran yang

sedemikian memberikan peluang kepada pengikut di belakangnya untuk membuat penafsiran yang pelbagai rupa. Oleh kerana itu, Taoisma di masa kini mengikut banyak pendapat sudah jauh menyimpang daripada Taoisma seperti diajarkan oleh *Lao Tze*.⁴⁷

"*Tao*" bermaksud "*Jalan*" atau "*Undang-undang*" atau "*akal fikiran*" atau dengan kata lain *Tao* adalah suatu yang wujud tetapi tidak diketahui secara lahir dan tidak dapat digambarkan oleh fikiran manusia secara nyata. Taoisma wujud melalui dua unsur iaitu *Tao* dan *Ki*. *Ki* pula adalah membawa maksud jiwa, iaitu elemen yang harus dipadani dengan *Tao*. Mengikut kepercayaan Taoisme pencantuman dua unsur ini membawa kepada kejadian pelbagai benda.

Kemudian ia akan berkembang mencapai ke satu puncak dipanggil "*Nibban*". *Nibban* adalah kemuncak tertinggi yang dapat dicapai iaitu merupakan kemuncak "*kebenaran*". Jika *Nibban* hendak dicapai seseorang itu haruslah menjauhkan diri daripada orang ramai dan berada di tempat yang sunyi dan mengawasi keinginan nafsu.⁴⁸

Taoisme bukan merupakan satu agama tetapi lebih kepada falsafah. Ajarannya agak sukar dan rumit untuk difahami. Dalam hal ini Azenker menerangkan bahawa *Tao* itu tidak dapat diterjemahkan dengan satu kata-kata tetapi maksudnya jelas iaitu roh yang azali yang mengandungi segala tenaga yang hidup yang menjadi hakikat bagi segala sesuatu yang wujud, dengan erti "hakikat jiwa yang mengatur alam ini".⁴⁹

Diperdayai bahawa ajaran Shinto boleh membawa keselamatan jiwa dan kehidupan dengan kekuatan ghaib. Seorang penganut Taoisme akan cuba untuk mempertinggikan kekuatan hidupnya dengan latihan pernafasan, higiene kelamin dan

memakan ramuan-ramuan yang mujarab dan dikatakan mereka yang mengamalkannya akan dapat melakukan sesuatu yang ajaib seperti terbang di udara.⁵⁰

Akibat pengaruh daripada China dalam abad ke-3 hingga ke-6, seorang sarjana Korea yang bernama Wani telah memperkenalkan etika dan falsafah Konfucian pada 405. Dalam masa yang sama Taoisme juga dibawa dari China yang berpengaruh di dalam adat-adat dan lagenda-lagenda.⁵¹

Bermula dari sinilah ajaran Taoisme diserasikan dengan agama Shinto dan Buddha. Ajaran ini dirasakan sesuai dengan Shinto maka Taoisme telah dimasukkan ke dalam ajaran Shinto. Taoisme adalah lebih menumpukan kepada kombinasi kekuatan manusia iaitu antara “*naturalisme*” dan “*supernaturalisme*” yang mempengaruhi dari segi kepercayaan.

3.3.5 Aspek-aspek Kepercayaan Dalam Kristian Serta Perkembangannya

Agama Kristian merupakan agama Samawi yang dibawa oleh Nabi Isa dan ajaran asal yang dibawa adalah bertauhidkan Allah. Namun begitu, ajaran itu telah diubah oleh pendeta-pendeta selepas beliau atas dasar kepentingan pribadi. Dengan itu timbulah fahaman *trinity* iaitu tiga Tuhan yang bersatu dalam kesatuan iaitu terdapatnya Tuhan Bapa, anak Tuhan dan Ruhul Qudus. Anak tuhan adalah difokuskan kepada Nabi Isa yang mana menjadi perantaraan dengan Tuhan dan Ruhul Qudus akan memberikan petunjuk dan membersihkan roh-roh manusia. Tuhan Bapa dipercayai tempat bermulanya segala sesuatu dan kembalinya sesuatu.

Dari segi ibadat agama Kristian membawa dua perkara sahaja iaitu sembahyang dan puasa. Namun begitu, puasa tidaklah diwajibkan. Hanya sembahyang yang diwajibkan didahului dengan iman yang sempurna.

Jika diteliti dari segi kepercayaan maka didapati agama Kristian mempunyai perbezaan dengan kepercayaan-kepercayaan asal Jepun iaitu Shinto dan kepercayaan-kepercayaan luar seperti Buddha dan Konfusian. Namun, disebabkan masyarakat Jepun merupakan sebuah masyarakat yang fleksibel dalam beragama dan kepercayaan membolehkan mereka menerima agama Kristian.

Agama dan ajaran Kristian dibawa ke Jepun seiring dengan kemasukan kuasa-kuasa barat ke Jepun bermula dengan ketibaan misi-misi penyebar mubaligh Kristian di bawah St. Francais Xavier pada 1549 sama ada sebagai pedagang atau mengikuti kapal-kapal pedagang ke Jepun. Penyebaran agama Kristian di kalangan mubaligh dilakukan dengan giat kerana mereka mempercayai ia merupakan satu tugas yang murni dan suci.

Kemasukan agama Kristian adalah dianggap sebagai ancaman dan menjadi pesaing kepada agama Shinto.⁵² Sebelum kedatangan agama Kristian, agama Shinto dan Buddha telah mendapat tempat di hati masyarakat Jepun. Jadi, kemasukan agama Kristian ke Jepun telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada orang Jepun.

Pada tahun 1582, jumlah penganut Kristian telah mencapai 150 000 orang dan 75 gereja telah dibina. Ramai paderi-paderi telah dibawa masuk. Agama Kristian yang bersifat lemah lembut mendapat tempat di hati penduduk Jepun.⁵³ Pada tahun 1605, jumlah penganut agama Kristian mencapai angka lebih 700 000 orang.

Perkembangan Kristian yang sebegini telah dilihat sebagai satu ancaman oleh Leyasu iaitu pemerintah kerajaan Tokugawa. Akhirnya, 1839 larangan telah dibuat untuk menyekat kemasukan agama tersebut. Kapal-kapal Portugis hanya dibenarkan berdagang di Deshima sahaja. Pada 1587, undang-undang telah dikeluarkan yang mana mengharamkan agama Kristian dan mengarahkan paderi Kristian keluar dari Jepun dalam masa 30 hari.

Tindakan ini menyebabkan penganut agama Kristian menanggung seksa dan mereka masih menganuti agama ini walaupun kerajaan Jepun mengharamkan anutan agama Kristian semasa dasar isolasi kerajaan Jepun. Walaupun tindakan diambil, penganutnya masih menganutinya secara rahsia. Ia dapat dibuktikan melalui pembinaan gereja di Nagasaki pada tahun 1865.

Pada masa tersebut terdapat 4 000 orang Kristian Jepun daerah Urakami yang menganuti agama Kristian selama 225 tahun secara berahsia. Pada 1872, kerajaan Jepun memberikan kebebasan untuk beragama dan ini memberikan peluang kepada Kristian untuk mengembangkan kepercayaan mereka.

Tambahan pula di pertengahan abad ke 19 Jepun telah dipaksa oleh kuasa barat supaya bertoleransi dalam beragama setelah kekalahan Jepun dalam Perang Dunia ke II. Agama Kristian sudah mendapat tempat dan mencapai perkembangan yang memberangsangkan selepas itu. Mengikut kajian yang telah dibuat oleh organisasi keagamaan Jepun pada 1985 yang telah dikeluarkan oleh *Agency for Cultural Affairs* jumlah tempat beribadat, ulamak dan penganut mengikut agama di Jepun adalah seperti berikut:⁵⁴

Tajuk: Jumlah kuil, gereja, sami, paderi, ulamak, dan pengikut agama Shinto, Buddha, Kristian dan lain-lain agama Di Jepun pada tahun 1985.

	Shinto	Buddha	Kristian	Lain-lain agama
Tempat beribadat	90,832	84,613	8,616	42,027
Paderi, Sami dan Ulamak	102,000	269,000	22,000	253,000
Pengikut	115,602,000	1,688,000	1,688,000	14,444,000

Sumber: “*Facts About Japan*”, The International Society for Educational Information, Inc. Tokyo

Oleh itu, perkembangan agama Kristian di Jepun adalah mengambil masa yang lama dan sukar. Keadaan ini mungkin kerana kepercayaan dan ajarannya adalah amat berlainan dengan ajaran Shinto, Buddha dan Konfucian.

3.4 Konsep-konsep Yang Wujud Kesan Daripada Kehidupan Beragama Di Jepun

Sumber bagi pembentukan dan pembinaan konsep-konsep dalam masyarakat Jepun ialah kepercayaan mereka. Kemasukan kepercayaan seperti ajaran Buddha, Konfucianisme dan Taoisme dan diaduni dengan agama dan kepercayaan asli masyarakat Jepun telah melahirkan konsep-konsep yang menjadi asas kepada kehidupan masyarakat Jepun hingga ke hari ini. Sumber bagi kelahiran konsep-konsep yang akan dibincangkan selepas ini ialah daripada Shinto, Buddha, Konfucian dan Toisma yang merupakan antara kepercayaan-kepercayaan awal masyarakat Jepun.

3.4.1 Konsep Bushido

Bushido secara langsung menggambarkan kaedah hulubalang atau Samurai. ia merupakan kod prinsip moral yang mana kaum Samurai harus mengikutinya dan ia diwarisi secara lisan dari pahlawan yang terkenal.⁵⁵ Perkataan Bushi atau Samurai bermakna orang yang mengabdi atau dipanggil juga askar upahan.⁵⁶ Samurai memainkan peranan di dalam sistem politik, ekonomi dan sosial Jepun hingga pembubarannya pada tahun 1871.

Bushido adalah bersumberkan kepada gabungan tiga kepercayaan utama Jepun iaitu Shinto, Buddha dan Konfucian. Shinto telah melahirkan sifat taat setia kepada kerajaan, ingatan yang penuh hormat kepada nenek moyang dan juga sikap taat setia kepada ibu bapa yang diambil daripada doktrin Shinto. Unsur kepercayaan dalam Shinto menjadikan Bushido kuat dengan pegangan ketaatsetiaan terhadap negara dan cinta kepada tanah air.

Elemen daripada ajaran Buddha pula membawa kepada ketenangan dan ketabahan semasa menghadapi bahaya serta membawa sikap tawar kepada hidup dan kesenangan terhadap mati. Etika Konfucian merupakan sumber Bushido yang paling prolinik. Pernyataan tentang lima perhubungan moral iaitu di antara tuan dengan hamba, ayah dengan anak, suami dengan isteri, abang dengan adik dan di antara kawan-kawan. Ciri-ciri ajaran ini yang bersifat tenang, ramah dan bijaksana itu amat bersesuaian dengan golongan Samurai yang membentuk kelas pemerintah.

Oleh itu, elemen-elemen dari Shinto, Buddha dan Konfucian telah membentuk konsep Bushido yang menjadi identiti bangsa Jepun hingga sekarang. Melalui Bushido orang-orang Jepun tidak mudah mengaku kalah.

3.4.2 Konsep “ON”

“*On*” merupakan satu konsep mengenai kewajipan sosial dan psikolesi apabila menerima bantuan daripada orang lain yang akan menimbulkan satu sikap untuk membalas balik. Konsep ini bersumberkan daripada ajaran Konfucianisme yang mentaati kepada ketua. Dalam masa yang sama pula ketuanya akan mencari jalan untuk membantu atau akan membalas ketaatan tersebut. Jika di zaman Samurai ketua-ketua tersebut akan membalas ketaatan tersebut dengan cara menghadiahkan tanah kepada para pengikutnya yang setia. Orang bawahan akan terhutang budi dan akan memberikan rasa hormat dan kesetiaan.

3.4.3 Konsep “Haji”

Kesetiaan masyarakat Jepun kepada agama dan kepercayaan mereka seperti Shinto dan Buddha melahirkan ketakutan terhadap balasan dunia dan seksa di neraka. Agama Shinto amat mengambil berat terhadap tubuh dan roh dan memberikan penekanan khusus kepada nafsu manusia manakala Buddhism pula mengawal naluri dan ghairah kemanusiaan. Shinto dan Buddha merupakan kepercayaan yang agresif mengenai sesuatu. Oleh itu, dalam masyarakat Jepun dari segi adat, perayaan dan upacara keagamaan biasanya didominasi oleh agama Shinto dan Buddhism sebagai suatu kepercayaan.

Bila seseorang itu gagal berkelakuan seperti yang diinginkan maka dirinya akan diarah supaya berkelakuan baik dan bertanggung jawab atas dasar perasaan “*haji*” atau “*malu*”. Dalam sesetengah kes, ada yang menebus dosa mereka dengan membunuh diri. Hanya melalui “*haji*” seseorang boleh menebus dan membina tekad sekiranya kelakuan yang ditonjolkan sebagai mementingkan diri.

3.4.4 Konsep “Jomyaku”

Konsep *Jomyaku* adalah bersumberkan daripada falsafah Konfucian yang amat mementingkan hubungan antara individu sebagai asas kepada kejayaan. Ajaran Konfucian telah diasamaliasikan bersama ajaran asal negara Jepun dan diadaptasikan dalam bidang-bidang seperti ketenteraan dengan meletakkan ketaatan kepada ketua dan undang-undang sebagai suatu yang utama.

Konsep *Jomyaku* dilihat sebagai “nadi manusia” terutama dalam urusan peribadi dan perniagaan, *Jomyaku* menjelaskan wujudnya hubungan antara individu seperti sahabat handai, rakan sekolah, rakan dalam perniagaan, persatuan dan sebagainya.

3.4.5 Konsep “Wa”

Konsep “*Wa*” bermakna harmoni yang bersumberkan daripada kepercayaan agama Shinto. Ucapan harmoni ini menjadi kunci dalam pembangunan bahasa Jepun dan digunakan dalam kesantunan, seni dan sastera masyarakat Jepun. Dalam falsafah Jepun, etika dan budi bahasa berdasarkan kepada keharmonian dalam semua hal.

Konsep *Wa* amat ditekankan oleh kepercayaan Jepun terutama dalam amalan beragama dan membawa kepada pengaruh dalam pelbagai kebudayaan termasuk dalam perniagaan. Misalnya hubungan yang wujud antara kerajaan dengan peniaga, pekerja dan pengurus. Ini kerana ia berhubung rapat dengan kepentingan hidup untuk menghasilkan proses perniagaan.

3.4.6 Konsep “Yin” Dan “Yang”

Konsep “*Yin*” dan “*Yang*” merupakan pengaruh daripada ajaran Taoisma yang telah mempengaruhi falsafah dan pemikiran orang-orang Jepun. Mengikut falsafah Cina adanya alam ini kerana adanya *Yin* dan *Yang*. *Yang* adalah kekuatan positif atau laki-laki yang bererti semua yang bersifat aktif dalam semua kesatuan seperti panas, keras, sinar dan sebagainya. *Yin* adalah kekuatan negatif atau perempuan yang bersifat pasif seperti dingin, lembut, gelap dan sebagainya. Melalui persatuan dan keserasian antara pasangan-pasangan inilah terjadinya penciptaan di alam ini termasuk pasangan langit dan bumi.⁵⁷

Oleh itu, orang Jepun amat percaya kepada keserasian dalam hal memilih jodoh, membuat sesuatu, memulakan pekerjaan dan sebagainya mempunyai perkaitan dengan *Yin* dan *Yang* iaitu dari segi keserasian dan kesesuaian.

3.4.7 Konsep “Karuna”

Konsep “*Karuna*” ialah konsep kasih sayang antara makhluk. Masyarakat Jepun amat menekankan kepada konsep ini dan ia bersumberkan kepada kepercayaan Shinto, Buddha dan Konfucian.

Misalnya, melalui konsep *Karuna* pihak yang menang dalam satu-satu perperangan harus mengadakan satu upacara untuk memohon doa semoga roh daripada pihak sendiri maupun lawan berada dalam keadaan sejahtera.

Ajaran sedemikian telah dipraktikkan oleh seorang panglima tentera Jepun yang terkenal iaitu Hojo Tokimura. Beliau telah melakukan upacara tersebut selepas sahaja tentera Jepun berjaya mengalahkan tentera Monggol pada akhir kurun ke-14.⁵⁸

3.4.8 Konsep “Ki”

Konsep “*Ki*” adalah untuk menjelaskan sesuatu yang abstrak yang mempunyai pelbagai hubungan makna termasuk jiwa atau roh, alam, perasaan, mengambil berat, *mood*, berhati-hati dan sebagainya mengikut situasi penggunanya.

Sebelum kemasukan pengaruh agama dan kepercayaan dalam masyarakat Jepun konsep *Ki* tidak digunakan. Konsep ini telah wujud dalam kebudayaan tradisi Jepun tetapi mungkin tidak jelas di kawasan bandar yang ramai dengan penduduk luar atau orang asing. Namun, pengaruhnya berlaku secara perlahan-lahan. Perkataan “*Ki*” ini digunakan dalam sehari-hari dengan bentuk ekspresi biasa.

3.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa aspek-aspek kepercayaan dalam peradaban Jepun dapatlah dibahagikan kepada kepercayaan asli dan kepercayaan yang dibawa dari luar. Aspek kepercayaan yang asli adalah agama Shinto dan

kepercayaan kepada agama-agama lain daripada luar seperti Buddha dari India dan dibawa melalui China dan Korea. Konfucian dan Taoisma pula adalah nilai etika dan moral yang dibawa dari China dan dipanggil juga agama Sino-Jepun apabila digabungkan dengan agama asal masyarakat Jepun iaitu Shinto. Walaupun Konfucian bukan sebuah agama tetapi apabila ia memainkan peranan dalam membentuk ritual masyarakat maka ia boleh dianggap sebagai agama.

Mengikut kajian yang dibuat oleh organisasi keagamaan Jepun menunjukkan, apabila orang-orang Jepun ditanya berkaitan agama yang mereka anuti, maka 27 peratus mengakui mereka beragama Buddha, hanya 3 peratus lebih daripada Buddha sahaja mengakui mereka Shinto, satu peratus mengakui mereka Kristian dan lain-lain mengatakan mereka tidak ada agama.⁵⁹ Ini menggambarkan agama dalam masyarakat Jepun adalah sesuatu dianggap tidak penting tetapi mereka mempercayai dan mengamalkan etika Konfucian dan Taoisme dalam kehidupan mereka membolehkan mereka tetap bangkit sebagai sebuah peradaban yang unggul.

Sementara kepercayaan-kepercayaan lain mendapat sambutan yang dingin di Jepun. Keadaan ini mungkin disebabkan agama dan kepercayaan Buddha, Konfucian dan Taoisma masuk lebih awal dan penyesuaian dapat dilakukan dengan baik kerana mempunyai persamaan dengan agama asal masyarakat Jepun pada masa itu iaitu Shinto. Kemasukan Kristian agak kritikal kerana mendapat tentangan yang hebat daripada para pemimpin Jepun.

Agama Shinto pada mulanya merupakan sebuah agama asli Jepun yang menyembah alam dan roh. Selepas kedatangan agama Buddha perubahan telah berlaku kepada agama Shinto yang mana kuil-kuil dan patung-patung telah dibina untuk

disembah dan ini telah menggambarkan sistem agama dan kepercayaan Shinto sudah mempunyai keteraturannya. Dalam zaman moden, Shinto telah dijadikan satu jalan untuk mengikis rasa rendah diri orang-orang Jepun. Kepercayaan kepada *Amaterasu* menyebabkan mereka merasakan bangsanya merupakan bangsa yang terkuat di dunia.

Bagi Konfucian pula, ia memainkan peranan dalam hubungan kekeluargaan. Keadaan ini telah menimbulkan satu masyarakat yang saling menghormati dan mentaati antara satu sama lain. Bagi agama Buddha pula terutamanya dengan kemunculan aliran atau mazhab Zen yang lebih merupakan mazhab yang paling popular di Jepun telah menekankan kepada seni pertahanan diri. Ketaatan kepada pemerintah atau maharaja dan kehalusan serta keindahan alam semulajadi yang membawa kepada kelembutan, keamanan dan kesederhanaan dalam kehidupan.

Kesan daripada kepercayaan tersebut telah menimbulkan pelbagai konsep yang digunakan sebagai asas kepada pembinaan peradaban Jepun dan identiti peradaban Jepun dibentuk melalui konsep-konsep tersebut. Konsep-konsep yang wujud seperti konsep *Bushido*, *On*, *Haji*, *Jimyaku*, *Yi* dan *Yang*, *Karuna* dan *Ki*. *Bushido* wujud di zaman Samurai tetapi masih diamalkan hingga sekarang dan dari sinilah orang-orang Jepun bila membuat sesuatu ia akan lakukan secara bersungguh-sungguh dan jika gagal mereka akan mempersalahkan diri mereka dan sedia menerima hukuman. Begitu juga dengan konsep “*On*” menjadikan orang Jepun tersebut bertanggung jawab dan mempunyai sikap untuk membala balik. *Haji* ialah konsep malu, jadi orang Jepun malu untuk gagal. Konsep *Jimyaku* pula menitikberatkan hubungan antara individu. Konsep *Wa* pula bermakna harmoni iaitu kehidupan ini memerlukan keharmonian. Konsep *Yin* dan *Yang* menjelaskan akan hidup di alam ini secara berpasang-pasangan. Konsep

Karuna pula adalah konsep kasih sayang antara makhluk dan konsep *Ki* bagi menjelaskan sesuatu yang abstrak.

Oleh itu, konsep-konsep yang wujud tersebut secara jelasnya adalah amat penting di dalam membentuk identiti bangsa Jepun. Pembentukkan identiti masyarakat Jepun dipraktikkan mengikut konsep-konsep yang disebutkan tadi dan diamalkan secara turun temurun membolehkan bangsa Jepun bangkit membentuk peradaban Jepun yang disegani.

Nota hujung

- ¹ "Kondansha Encyclopedia of Japan", Vol. 4, Kondansha Ltd., Japan, 1983, hal. 72.
- ² Mason R.H.P. & Laiger J.G., "A History of Japan", Charles E. Tuttle Co., Japan, 1988, hal. 4.
- ³ Yutaka Tazawa (et al.), "Sejarah Kebudayaan Jepun: Satu Perspektif" (Terj: Prof. Madya M. Rajendran), Kementerian Hal Ehwal Luar Jepun, 1987, hal. 10.
- ⁴ Eugene Fodor, "Japan and East Asia", Hodder & Stoughton, U.S.A., 1984, hal. 45-46.
- ⁵ "The New Encyclopaedia Britannica", Vol. 1, 15 Edition, U.S.A., 1994, hal.58.
- ⁶ Ibid, hal. 58.
- ⁷ Yutaka Tazawa, Op.cit., hal. 13.
- ⁸ Ibid, hal. 14.
- ⁹ Ibid, hal. 14.
- ¹⁰ Ibid, hal. 14.
- ¹¹ Richard Storry, "sejarah Jepun Moden", Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur, 1982, hal. 7.
- ¹² Azhar Hj. Mad Aros (et.al), "Siri Sejarah Fajar Bakti: TITAS Kertas 2", Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Cetakan Pertama, 2000, hal. 263.
- ¹³ M. Rajendran, "Sejarah Jepun", Arenabuku Sdn. Bhd. 1988, hal. 6.
- ¹⁴ Ibid, hal. 8.
- ¹⁵ Paul Thomas, "Their Asians: Their Revolving Heritage", New York: Herper Collins, 1984, hlm. 280.
- ¹⁶ Japan National Tourist Organization, "The New Offical Guide: Japan", Tokyo: Japan Travel Bureau, 1975, hal. 139.
- ¹⁷ Azhar Hj. Mad Aros, Opcit. Hal. 265.
- ¹⁸ Abbas Mahmoud al-Akkad, "Ketuhanan: Sepanjang Ajaran Agama-Agama dan Pemikiran Manusia", Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1970, hal. 76.
- ¹⁹ Murukami Hyoe dan Edward G. Seidenticker, "Guide to Japanese Culture", Japanese Culture Institute, Tokyo, Japan 1977, hal. 57.
- ²⁰ Noriyoshi Tamara dan David Teid, "Religion In Japanese Culture", Kondansha International, New York, 1996, hal. 16.
- ²¹ Abbas Mahmoud al-Akkad, Op. cit, hal. 11.
- ²² Wardan Amir B.A., "Perbandingan Agama", Cetakan pertama, Jilid 2, Penerbit TOHA PUTRA SEMARANG, 1976, hal. 17-18.
- ²³ Ibid, hal. 18.
- ²⁴ Richard Bowring dan Peter Kornicki, "The Cambridge Encyclopedia of Japan", Cambridge University Press, New York, 1993, hal. 152-123.
- ²⁵ Ibid, hal. 18.
- ²⁶ Noriyoshi Tamara dan David Teid, Op.cit, hal. 17.
- ²⁷ Joesoef Sou'yb, "Agama-agama Besar Di Dunia", Penerbit PT Al Husna Zikra, Cetakan Pertama, 1983, hal. 209.
- ²⁸ Ibid, hal. 209.
- ²⁹ Wardan Amir B.A., Op.cit, hal. 59.
- ³⁰ M.Rajendran, Op.cit, hal. 6.
- ³¹ Anesaki maseharu, "History Of Japanese Religion", Charles B. Tuttle Company, Tokyo, 1963, hal. 57.
- ³² <http://www.Japan.guide.com/e/e/e2055.html>, hal. 1.
- ³³ Ibid, hal. 75.
- ³⁴ The New Offical Guide Japan, op. cit, hal. 149.
- ³⁵ "Kondansha Encyclopedia of Japan", Opcit, hal 352.
- ³⁶ Eiichiro Ishida, "Budaya Jepun: Kajian Tentang Asal Usul dan Ciri-ciri", (Terj:- Makhtar Ahmad), Pustaka Cipta Sdn. Bhd., Malaysia, 1986, hal. 81.
- ³⁷ Edwin O. Reischauer, "Manusia Jepang", Penerbit Sinar Harapan, Indonesia, 1982, hal. 190.
- ³⁸ Edwin O. Reischauer dan Albert M. Craig, "Japan Tradition and Transformation", Houghton Mifflin Company of East Asia, 1978, hal. 26.
- ³⁹ Ibid, hal 26.
- ⁴⁰ "Kondansha Encyclopaedia of Japan", Op. cit, hal. 352.
- ⁴¹ Bisignani J.D., "Japan Handbooks", Moon Publisher, United State Of Amerika (USA), 1974, hal. 41.
- ⁴² Joesoef Sou'yb, Op. cit, hal. 167.
- ⁴³ Eiichiro Ishida, Op. cit, hal. 81.
- ⁴⁴ M.Rajendran, Op. cit, hal. 6-7.
- ⁴⁵ Joesoef Sou'yb, Op. cit, hal.186.
- ⁴⁶ Dr. H.O.K. Rahmat S.H., "Dari Adam Sampai Muhammad: Sebuah Kajian Mengenai agama-

- agama*", Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., Kota Bharu, 1979, hal. 117-118.
- ⁴⁷ Ibid, hal. 118.
- ⁴⁸ Mohd Fauzi Hj. Awang, "*Ugama-ugama Dunia*", Penerbit PAP, Kelantan, hal. 102-106.
- ⁴⁹ Drs. Abu Achmadi, Op.cit, hal. 38.
- ⁵⁰ Ibid, hal. 38.
- ⁵¹ William L. Bunce, "*Religions In Japan*", Charles e. Tuttle company, Tokyo, 1955, hal. 3.
- ⁵² Taro Sakamoto, "*Jepang: Dulu dan sekarang*" (Terj: Sylvia Tiwon), Yogyakarta: Gadjah Mada Universiti Press, 1980, hal. 40.
- ⁵³ M.Rajendran, Op. cit, hal. 34.
- ⁵⁴ "*FACTS about JAPAN*", The International Society for Educational Information, Inc., Japan, hal. 1.
- ⁵⁵ Inazo Nitoku, "*Bushido: Jiwa Negara Jepun*", (terj: Wong Seng Tang), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1986, hal. 3.
- ⁵⁶ Jonathan Norton Leonard, "*Early Japan: Great Ages Of Men*", The Editors Of Time Life Book, 1969, hal. 55.
- ⁵⁷ Dr. H.O.K. Rahmat S.H., Op. cit, hal. 134.
- ⁵⁸ Murukami Hyoe and Edward Seidentikker G., "*Guide to Japanese Culture*", Japanese Culture Institute, Tokyo, Japan, 1977, hal. 63.
- ⁵⁹ UMESAO-Tadao, "*Seventy-seven keys to the civilization of Japan*", The Senri Foundation, 1985, hal. 77.